



Ruj. Kami : KPM.100-1/7/2 Jld. **6 (31)**
Tarikh : **15** Januari 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**LANGKAH-LANGKAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI
MENJAMIN KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID-MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH
YANG BERADA DALAM KAWASAN BERJEREBU YANG DIANGGAP KRITIKAL**

Surat siaran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah tentang langkah-langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid-murid di sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan berjerebu yang dianggap kritikal.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bilangan 1/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah bersetuju meluluskan pindaan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Justeru itu, pihak KPM diarahkan supaya mengambil langkah-langkah wajar bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid-murid di sekolah-sekolah yang berada di dalam kawasan berjerebu yang kritikal.

3. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengumumkan bahawa tafsiran Indeks Pencemar Udara (IPU) berdasarkan kepada parameter **PM2.5** adalah seperti berikut:

Indeks Pencemar Udara (IPU)	Status
0 – 50	Baik
51 – 100	Sederhana
101 – 200	Tidak Sihat
201 – 299	Sangat Tidak Sihat
300 – 500	Bahaya
>500	Darurat

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah diingatkan supaya mengambil langkah-langkah berikut jika fenomena berjerebu melanda kawasan atau daerah di mana sekolah itu berada:

- 4.1 Jika bacaan **IPU melebihi 100**, pihak sekolah hendaklah menghentikan **SEMUA** aktiviti di luar bilik darjah yang melibatkan semua murid. Disarankan aktiviti keramaian/sukan di luar bangunan ditangguhkan;
- 4.2 Jika bacaan **IPU melebihi 200**, semua sekolah yang berada di dalam kawasan atau daerah hendaklah **ditutup** dengan serta merta;
- 4.3 Pengetua/Guru Besar hendaklah memastikan guru membuat tugas yang sewajarnya di sekolah semasa sekolah ditutup jika guru tidak diberi cuti selaras dengan peruntukan dalam **Surat Siaran Bil.8/2016:Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana** bertarikh 21 Julai 2106.
- 4.4 Jika bacaan **IPU melebihi 500**, guru dan kakitangan tidak perlu hadir ke sekolah;
- 4.5 Pihak sekolah hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan semasa melalui media massa mengenai fenomena berjerebu di kawasan atau daerah masing-masing supaya mudah untuk mengambil tindakan. Pihak sekolah boleh melihat terus bacaan IPU dan maklumat terkini status udara melalui laman portal JAS di alamat : <http://apims.doe.gov.my/v2/> ;
- 4.6 Pembukaan semula sekolah adalah bergantung kepada bacaan IPU bawah daripada 200. Jika trend bacaan menunjukkan pengurangan bacaan IPU bawah daripada 200, tindakan bolehlah diambil sebagai persediaan untuk membuka semula sekolah;
- 4.7 Murid-murid dinasihatkan memakai penutup hidung (*nasal mask*) dan meminum air dengan kerap;
- 4.8 Pihak sekolah hendaklah merujuk murid-murid yang didapati tidak sihat kepada ibu bapa atau penjaga dengan kadar segera;
- 4.9 Ibu bapa yang bimbang akan kesihatan anak-anak mereka dibenarkan tidak menghantar anak-anak ke sekolah dan pihak sekolah hendaklah dimaklumkan akan hal ini; dan
- 4.10 Semua jenis peperiksaan termasuk peperiksaan awam hendaklah diteruskan.

5. Carta aliran kerja proses penutupan dan pembukaan sekolah yang berada dalam kawasan berjerebu yang dianggap kritikal adalah seperti di **Lampiran 1**.

6. Sehubungan itu, **Surat Siaran KPM Bil.14/2013:Langkah-langkah Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan dan Keselamatan Murid-Murid di Sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Berjerebu Yang Dianggap Kritikal** bertarikh 18 Jun 2013 dan **Surat Siaran KPM Bil.17/2013:Langkah-langkah Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan dan Keselamatan Murid-Murid di Sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Berjerebu Yang Dianggap Kritikal** bertarikh 7 Ogos 2013 adalah dibatalkan.

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Datin/ tuan/ puan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Datin/ tuan/ puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

Timbalan Ketua Pendaftar
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

CARTA ALIRAN KERJA

PROSES PENUTUPAN DAN PEMBUKAAN SEKOLAH YANG BERADA DALAM
KAWASAN BERJEREBU YANG DIANGGAP KRITIKAL

